

RUANG SIBER SEBAGAI MEDAN BERBALAS PENDAPAT ISU POLITIK

RUANG siber kerap disifatkan sebagai wadah melahirkan komen dan pendapat secara tidak terkawal atau 'Wild Wild West'. Bagaimanapun, kajian terkini Institut Pengajian Dasar (IPS) yang meninjau blog politik mendapati hal sebaliknya pula yang berlaku. Ikuti laporan wartawan **HASLEEN BACHIK** (hasleen@sph.com.sg).

Kajian: Wacana siber setempat seimbang dan rasional

Hanya 3 daripada 10 blog politik ketengah pendapat berat sebelah, kebanyakan tidak guna kekata kesat

RUANG siber, khususnya blog politik, bukannya tidak munasabah sebagaimana ditanggap ramai pihak, menurut dapatan satu kajian baru.

Malah, kajian Institut Pengajian Dasar (IPS) mendapati hanya tiga daripada 10 blog politik tampilkan pendapat berat sebelah dalam ulasan mereka.

Sebahagian besar blog politik di sini mengetengahkan pandangan bertentangan secara seimbang dan dalam keadaan agak tenang, iaitu tidak menggunakan kata-kata kasar atau memaki-hamun, ketika melahirkan emosi.

Kajian tentang kemunasabahan ruang politik dalam talian itu diterajui zamil penyelidikan kanan IPS, Encik Tan Tarn How, dan zamil pendidikan, Dr Carol Soon.

Dapatan kajian itu dibentang dalam *Seminar Sempadan Digital Bagi Menilai Kemunasabahan Ruang Politik Dalam Talian: Manusia dan Mesin* anjuran IPS di Universiti Nasional Singapura (NUS), Kampus Bukit Timah, Rabu lalu.

Semasa ditemui di akhir seminar tersebut, Dr Soon, berkata:

"Kami agak terkejut ruang siber ini sebenarnya agak rasional dan bukan tidak rasional sebagaimana ramai dalam kalangan kita sangka. Saya fikir ini agak menarik dan juga sesuatu yang menggembirakan."

Kajian itu meninjau lebih 1,000 pos dalam 197 blog dari Jun hingga Julai tahun lalu.

Tempoh tersebut disifatkan sebagai "agak sibuk" dalam ruang siber ekoran tercetusnya pelbagai topik seperti kes saman fitnah melibatkan Perdana Menteri Lee Hsien Loong dan penulis blog Roy Ngerng; gerakan menyokong golongan lesbian, gay, biseksual dan transgender (LGBT), misalnya acara Pink Dot; acara Pakai Putih yang bertentangan Pink Dot; dan isu penarikan buku Lembaga Perpustakaan Negara (NLB).

Blog yang ditinjau meliputi pelbagai skop, daripada yang kuat menjurus ke arah politik, contohnya The Online Citizen sehingga ke blog peribadi dengan catatan sekali-sekala bagi membincangkan sesuatu isu.

Kajian itu dibuat bagi menilai sejauh mana kesahihan pandangan pengkritik blog yang menganggap kandungan dalam talian sebagai tidak terkawal, berat sebelah, tidak rasional dan pedas.

Dalam seminar itu, Dr Soon, yang juga anggota Majlis Cilik Media (MLC), berkata "agak menarik bahawa lebih sepa-



PERBINCANGAN MENILAI KERASIONALAN RUANG POLITIK DALAM TALIAN: (Dari kiri) Profesor Lim Ee Peng, Encik Tan Tarn How dan Cik Carol Soon, dalam seminar di Bangunan Oei Tiong Ham, Lee Kuan Yew School of Public Policy anjuran Institute of Policy Studies Rabu lalu. – Foto M.O. SALLEH

"Kami agak terkejut ruang siber ini sebenarnya agak rasional dan bukan tidak rasional sebagaimana ramai dalam kalangan kita sangka. Saya fikir ini agak menarik dan juga sesuatu yang menggembirakan."

– Peneraju kajian dan zamil pendidikan, Dr Carol Soon.

ruh, iaitu 55.8 peratus, penulis blog itu boleh dikenal pasti, malah ada yang mempunyai gambar penulisnya sekali".

"Mereka tidak bersembunyi," katanya.

Tidak juga terdapat sebarang rasa gentar, ujar beliau.

"Kami tidak mendapati wujudnya hubungan antara identiti penulis blog dan objektiviti... Penulis dengan identiti sebenar juga tidak takut menyokong pembangkang," kata Dr Soon.

Dari sudut objektif, hampir 30 peratus blog didapati berat sebelah, bermakna lebih 70 peratus memberi perspektif alternatif.

Sekitar satu pertiga mengkhususkan 20 peratus penulisan dalam blog mereka bagi membincangkan isu atau topik dengan pandangan bertentangan secara seiringan.

Hampir 54 peratus agak atau amat tenang bila membincangkan isu politik, sementara 19 peratus pula menggunakan kata-kata kasar atau memaki-hamun.

"Kami mendapati ruang siber bukanlah 'Wild Wild West' (tidak terkawal), tetapi ada objektiviti di dalamnya. Lebih 50 peratus pos blog tersebut juga agak atau amat tenang.

"Blog politik, terutamanya, cenderung memberi pandangan dua pihak dalam pendekatan mereka. Mungkin ia kerana mereka menerima bahawa hujah seimbang diperlukan bagi mempengaruhi minda dan mengubah pendapat.

"Blog politik aktif ini juga lebih bersifat kritikal terhadap pemerintah dan pembangkang," ujar Dr Soon.

Bagaimanapun, Encik Tan turut mengetengahkan batasan kajian itu, termasuk tempoh dua bulan yang disifatkannya sebagai agak singkat dan ia tidak mengambil kira ruang siber lain, seperti Facebook dan Twitter.

Selain itu, kajian tersebut hanya menilai apa yang diperkatakan dan tidak pula kesannya.

Peserta seminar, Haji Jalaludin Peer Mohamed, 58 tahun, berkata kadangkala orang sekadar membaca blog dan memberi 'Like' (tanda suka).

"Mereka mungkin berpihak pada pemerintah tetapi ada perkara atau dasar pemerintah yang mereka mungkin tidak begitu suka. Contohnya, kenaikan tambang bas, kerosakan MRT dan sebagainya.

"Semua ini membuat mereka kurang senang tetapi mereka tetap menyokong pemerintah," kata Haji Jalaludin, yang juga timbalan presiden Liga Muslim Kadayannallur Singapura.